

DADAH DIJAUHI, NEGARA HARMONI

9 JUN 2023 | 20 ZULKAEDAH 1444H

أَحْمَدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Isu dadah merupakan isu yang serius dalam negara kita kerana impaknya bukan sahaja kepada individu terlibat malah mampu melumpuhkan sesebuah negara. Lantaran itu, dadah telah diisytiharkan sebagai musuh utama negara sejak tahun 1983. Ini kerana penyeludupan, pengedaran dan penyalahgunaan dadah memberi ancaman besar kepada sistem sosial, ekonomi dan keselamatan negara. Oleh itu, kita semua perlu berganding bahu dan bersepakat untuk memerangi dadah hingga ke akar umbi.

Sesungguhnya penyalahgunaan dadah selain daripada memudaratkan diri, ia juga dilarang oleh syarak dan undang-undang serta boleh mendatangkan kesan-kesan negatif yang memudaratkan diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 195:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Yang bermaksud: *"Dan belanjakanlah apa yang ada pada kamu kerana menegakkan agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang yang berbuat baik."*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Penyalahgunaan dadah menyebabkan ketagihan dan boleh merosakkan akal. Kesannya boleh menyebabkan gangguan kepada kesihatan mental dan boleh menjurus kepada perlakuan kes-kes jenayah seperti pembunuhan, ragut, kecurian dan sebagainya.

Realitinya, kita dapati jumlah individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah serta bahan terlarang semakin meningkat. Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaporkan bahawa sehingga September 2022 jumlah penagih adalah sebanyak 129,092 orang dengan peningkatan sebanyak 14.5 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2021. Apa yang membimbangkan daripada jumlah tersebut, 83.4 peratus atau 107,633 orang adalah beragama Islam. Ini ditambah dengan kategori penagihan yang melibatkan kategori umur belia belasan tahun.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita merenung bersama, apakah yang akan berlaku sekiranya jumlah ini semakin bertambah. Isu yang lebih serius, apabila anak-anak terbiar akibat ibu bapa terlibat dengan penagihan, keluarga terancam dengan kegagalan sistem keluarga dan menyebabkan kepincangan masyarakat.

Ibu bapa dan anak-anak yang berhadapan dengan ahli keluarga yang terlibat dengan masalah penagihan dadah akan mengalami tekanan emosi seperti rendah diri, kemurungan, berasa diri disisihkan oleh masyarakat. Jika keadaan ini berterusan boleh menyebabkan mereka tidak produktif serta tidak dapat berperanan sebagai anggota keluarga, masyarakat dan negara dalam erti kata yang sebenar.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah agensi yang melaksanakan perkhidmatan pencegahan, penguatkuasaan dan merawat pulih individu yang terjebak dengan masalah penagihan dadah hampir empat dekad lamanya.

Namun begitu, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh AADK tidak boleh dilaksanakan sendirian dan perlu diperjuangkan secara kolektif dan berterusan. Bersesuaian dengan tema Peringatan Hari Antidadah Kebangsaan pada tahun ini iaitu "Lebih Baik Cegah". Semua pihak sama ada individu, kumpulan, keluarga, majikan, pemimpin masyarakat, pertubuhan-pertubuhan dan jabatan-jabatan kerajaan khususnya institusi pendidikan dan pihak majikan perlu memainkan peranan penting dalam membendung gejala ini.

Sebagai individu, kita yang mempunyai keluarga hendaklah memainkan peranan untuk memastikan ahli keluarga tidak terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Hubungan kekeluargaan perlu dieratkan, pantaulah pergerakan dan pergaulan anak-anak dan ahli keluarga serta ambil tahu setiap aktiviti yang dilakukan oleh mereka agar terhindar daripada terjerumus dengan permasalahan dadah dan sosial. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari yang bermaksud:

Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya, seorang imam (ketua negara) adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan seorang lelaki dalam keluarga adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya (ahli keluarganya).

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غِلَظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦١﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ

الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ

السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،

وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،

فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.